

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**  
**[ PARIT ]**  
**RUJUKAN : BL1 [PR-1331-T65514]**  
**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan Pasar Baru Dato Keramat tidak berupaya beroperasi sepenuhnya dan menjadi tarikan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk mewujudkan Pusat Transformasi Bandar Mini (Mini UTC) Keramat bermula pada 1 Disember 2014 sebagai usaha untuk menggalakkan penduduk setempat mengunjungi Keramat Mall. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan antaranya ialah Fiesta Jom Gegar Keramat, Bazar Ramadan dan *Car Boot Sale*.

Walaupun begitu, Keramat Mall masih tidak beroperasi sepenuhnya kerana sebahagian peniaga masih enggan berpindah atas alasan lokasi baru yang dianggap kurang strategik dan membabitkan peningkatan kos operasi. Kementerian ini walau bagaimana pun menjangkakan bilangan pengunjung akan meningkat pada setiap tahun dengan Mini UTC Keramat beroperasi sepenuhnya di samping penganjuran aktiviti-aktiviti berorientasikan pembangunan masyarakat yang dirancang oleh pihak DBKL serta wakil penduduk setempat pada sepanjang tahun.

Berkaitan dengan itu, Keramat Mall mempunyai akses kepada kemudahan pengangkutan awam seperti LRT Putra (Stesen Damai), bas dan teksi untuk memudahkan orang ramai berkunjung ke Keramat Mall. Data jumlah pengunjung dari bulan Disember 2014 sehingga Januari 2015 adalah seperti berikut:

Disember 2014	-	19,795 orang
Januari 2015	-	23,809 orang

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan satu sistem untuk mengawal harga rumah seperti mana yang dilakukan terhadap kawalan harga minyak petrol dan barangan keperluan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisma bagi mengawal kadar kenaikan harga rumah di pasaran, antaranya:-

- (i) Perubahan pada kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Menaikkan harga jualan minimum kepada RM 1 juta warga asing;
- (iii) Mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci;
- (iv) Larangan Developer Interest Bearing Scheme (DIBS);
- (v) Mewajibkan pemaju melaporkan pembelian melebihi 4 unit dalam satu pemajuan; dan

(vi) Panduan Loan To Value (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan ke atas.

Impak dari langkah-langkah tersebut boleh dilihat melalui penurunan kadar kenaikan harga rumah bagi Suku Pertama Tahun 2013 (10.7%) berbanding Suku Pertama 2014 (9.6%). Manakala pada Suku Kedua 2013 (11.3%) kadar kenaikan harga rumah telah menurun kepada 6.6% bagi Suku Kedua tahun 2014 seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015